

SUMBER BAHAN BANTU MENGAJAR DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH BESTARI

*Mohd Faez Ilias¹, Kalthom Husain², Mohd Amin Mohd Noh³, Zetty Nurzuliana Rashed⁴,
Murihah Abdullah⁵

Fakulti Pendidikan¹²³⁴
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia

Fakulti Tamadun Islam⁵
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Email penulis: faez@kuis.edu.my

Abstrak

Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berjalan lancar akan lahir apabila seorang guru menyatakan kesediaan untuk menyediakan perancangan yang rapi. Selain itu, kandungan terhadap bidang pengetahuan yang disampai juga sangat penting untuk dikuasai oleh guru disamping persediaan teknikal seperti penggunaan Bahan bantu Mengajar (BBM). Namun persoalannya ialah di manakah tahap persediaan guru terhadap kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran? Oleh itu, artikel ini cuba menghuraikan gambaran tentang persediaan guru terhadap proses PdP. Tujuannya adalah untuk mengenalpasti jenis sumber yang digunakan oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) di Sekolah Bestari dalam mendapatkan BBM. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan instrumen temu bual, pemerhatian, analisis dokumen, dan nota lapangan dalam mendapatkan data. Kajian dilakukan secara temubual terhadap GPI, penyelia GPI, dan dua orang pelajar di bawah seliaan GPI. Pemerhatian turut dibuat terhadap PdP GPI manakala analisis dokumen yang berkaitan diperolehi daripada GPI, pelajar di bawah seliaan GPI, dan sekolah. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga jenis sumber yang mencapai tahap pola telah menjadi rujukan GPI dalam penggunaan BBM iaitu guru, internet, dan rakan guru. Manakala terdapat satu jenis sumber yang tidak mencapai tahap pola iaitu pengalaman semasa belajar. Keseluruhan dapatan tersebut pada hakikatnya menjadi sumber pengetahuan kepada GPI sebagai persediaan untuk menggunakan BBM. Dapatan ini juga sesuai dijadikan rujukan kepada para pendidik yang berusaha menghasilkan BBM walaupun dalam keadaan sumber yang terhad. Pelajar dalam bidang pendidikan turut tidak terlepas untuk menjadikan dapatan kajian ini sebagai panduan sebagai persediaan sebelum menempuh kerjaya sebagai seorang pendidik.

Keywords: Internet; pengalaman mengajar; guru pendidikan islam; persediaan mengajar

Abstract

An effective teaching and learning process (T&L) will take place from the effort by teachers to provide a systematic teaching plan. The important factor is the teachers must have good understanding of the content as part of the knowledge compared to the technical preparation of the teaching aids. However,

there is doubt in the preparation among teachers to ensure that the process of teaching and learning run smoothly. Therefore, this article will explain on the preparation of teachers in the process of teaching and learning. The aim of this research paper is to identify the types of resources used by teachers to teach the Islamic Education subject (GPI) in Smart Schools. This is to ensure that proper teaching aids are used to cater the needs of these students. This study used a qualitative methodology by looking in-depth on the use of interviews, observations, document analysis, and field notes as the collection of data. An interview has been conducted on the GPI, GPI supervisor, and two students under the guidelines of the GPI. Observations were also done for the T&L process of GPI while the analysis of the relevant documents was obtained from the GPI, students under the GPI supervision, and schools. The findings showed that there are three types of resources that have achieved the pattern level for GPI references in using the teaching aids, namely teachers, internet, and teachers' colleagues. There is one resource identified as not achieving the pattern level, which is the experience in study. The findings also showed several sources of knowledge in alliance to the GPI in preparing teaching aids. It is also suitable to be used as reference to other researchers and students to use teaching aids even with limited resources provided. Students in the education field also can use these findings as a guide for them in preparation to be educators.

Keywords: Internet; teaching experience; Islamic Education teacher; teaching preparation

1.0 PENGENALAN

Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam kalangan guru di sekolah memberi kesan yang positif terhadap kecemerlangan akademik pelajar dan kaedah pengajaran guru itu sendiri. Kajian-kajian lalu telah membuktikan bahawa wujudnya kesan positif tersebut antaranya melalui kajian oleh Jasmi *et al.* (2011) dan Ilias *et al.* (2013). Kedua-dua dapatan kajian Jasmi *et al.* (2011) dan Ilias *et al.* (2013) menunjukkan bahawa penggunaan BBM oleh guru mampu membuatkan pelajar fokus kepada pengajaran sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Selain itu, PdP yang menggunakan BBM mampu meningkatkan ingatan pelajar terhadap pelajaran yang disampaikan. Secara tidak langsung, pelajar dapat mengingat secara visual berdasarkan BBM yang digunakan oleh guru. Hal ini dijelaskan oleh Abdullah *et al.* (2015b) bahawa kaedah ingatan melalui imej dan visual adalah kaedah yang terbaik kepada pelajar untuk mengingat semula hafalan.

Manakala bagi guru pula, strategi, kaedah, dan teknik pengajaran mereka akan menjadi konkrit dan pelbagai mengikut kepada keadaan dan situasi pengajaran. Oleh sebab itu, untuk mengenalpasti BBM yang dipilih oleh guru bukanlah hanya sekadar mengambil BBM yang disediakan sahaja malah analisis perlu dilakukan dengan mendalam. Hal ini bertepatan dengan ciri-ciri pemilihan BBM iaitu mestilah yang paling memberi kesan seperti yang dinyatakan oleh Jasmi dan Tamuri (2007).

Ciri-ciri BBM yang berkesan tidak wujud dengan sendirinya melainkan dengan usaha guru yang menggunakan BBM dengan baik ketika menghasilkan PdP berkesan. Antara ciri yang menyebabkan BBM itu berkesan adalah kerana inisiatif guru yang menggunakan sumber yang pelbagai ketika mendapatkan BBM semasa persediaan sebelum menggunakannya. Namun terdapat kekangan dalam usaha guru untuk mempelbagaikan sumber bahan untuk mendapatkan BBM. Hal ini dibuktikan melalui kajian Othman (2007), Mahidi (2011), dan Jasmi *et al.* (2011). Ketiga-tiga kajian mendapati bahawa guru tidak dapat menggunakan BBM disebabkan kekurangan sumber dalam mendapatkan bahan. Othman (2007) menyatakan bahawa guru di Malaysia khususnya sentiasa dibelenggu dengan sumber yang terbatas kerana kaedah tradisional telah menjadi amalan dalam PdP. Mahidi (2011) pula menjelaskan bahawa guru-guru kurang didedahkan dengan sumber pengajaran yang pelbagai sehingga menyebabkan tidak berlaku perkongsian BBM antara sesama guru dan pelajar. Manakala Jasmi *et al.* (2011) menyatakan bahawa kekurangan sumber dalam mempelbagaikan BBM menyebabkan guru sukar untuk menjadi

pemudah cara ketika PdP. Lebih membimbangkan lagi apabila PdP guru tidak mampu menarik minat pelajar untuk belajar kerana proses PdP menggunakan kaedah tradisional sepenuhnya tanpa memikirkan kesesuaian pelajar. Kekurangan sumber bahan ini juga menyebabkan pelajar kurang pendedahan dan persediaan untuk menghadapi peperiksaan yang dilaksanakan oleh sekolah. Hal ini akan menyebabkan prestasi pelajar dalam peperiksaan akhir akan terganggu kerana kurang pendedahan terhadap sumber BBM yang mampu menggalakkan pelajar untuk berfikir dengan kritis dan kreatif (Mwathwana *et al.*, 2014). Kekurangan sumber ini juga menyebabkan guru tidak mampu meluangkan masa untuk pelajar dalam PdP kerana tidak membuat persediaan sebelum menggunakan BBM (Abdullah *et al.*, 2015a).

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada kajian lalu telah dijelaskan tentang kesan positif dan negatif sumber BBM yang pelbagai khususnya kepada guru dan pelajar. Walaupun kesan negatif dilihat mendominasi kebanyakan kajian yang ada, namun terdapat juga guru yang sentiasa berusaha untuk mempelbagaikan sumber dalam penggunaan BBM. Maka kajian ini menjadi keperluan dalam usaha membantu guru mempelbagaikan sumber dalam menggunakan BBM. Dapatan kajian ini juga dijangka berguna untuk rujukan guru, bakal guru, dan pendidik dalam usaha memberikan yang terbaik ketika proses PdP.

2.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada sorotan daripada beberapa kajian yang telah dilakukan, faktor kekurangan penggunaan BBM adalah disebabkan oleh kekurangan sumber BBM yang digunakan oleh guru. Oleh yang demikian, objektif yang telah digariskan dalam kajian yang dilakukan ini adalah untuk mengenalpasti sumber yang digunakan oleh GPI dalam mendapatkan BBM. Manakala persoalan kajiannya ialah, apakah sumber bahan yang digunakan oleh GPI dalam mendapatkan BBM?

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan perancangan yang dilakukan oleh pengkaji dalam menjawab permasalahan yang timbul semasa kajian dijalankan. Kajian ini telah diklasifikasikan sebagai kajian berbentuk deskriptif kerana matlamatnya untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Reka bentuk kajian ini juga disebut sebagai kajian pelbagai kes (*multiple case*) kerana melibatkan pelbagai tempat kajian. Reka bentuk kajian adalah adaptasi daripada kajian Kamarul Azmi (2010) dengan sedikit pengubah suaian dilakukan. Maka pendekatan ini sesuai dengan sifatnya yang melibatkan pelbagai tempat kajian (*multisite studies*).

Kelebihan kajian ini diperkuatkan dengan sumber dapatan yang pelbagai terdiri daripada temu bual responden dan informan melalui pendekatan kualitatif. Pendekatan ini mampu membantu pengkaji dalam mengenal pasti penggunaan BBM yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam serta meneroka permasalahan yang dikaji mengikut tatacara yang ditetapkan.

Temu bual dilaksanakan terhadap guru Pendidikan Islam (GPI) Sekolah Bestari yang terpilih di negeri Johor. Pemilihan Sekolah Bestari di negeri Johor adalah merujuk kepada statistik Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) berkaitan penyelenggaraan komputer sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia tahun 2009 dan 2010. Dapatan statistik menunjukkan negeri Johor adalah penerima tertinggi yang menjadikan keseluruhan Sekolah Bestari di negeri Johor mempunyai kemudahan yang dapat berfungsi dengan baik. Selain itu, lokasi kajian terpilih adalah disebabkan oleh negeri Johor memiliki Sekolah Bestari tertinggi di bahagian selatan Malaysia. Keseluruhan Sekolah Bestari di Johor adalah sebanyak sembilan buah sekolah. Namun, hanya lima sekolah yang diwakili oleh lima orang GPI

yang terlibat dalam kajian ini iaitu sekolah A-E (SA-SE). Penetapan jumlah tersebut adalah berdasarkan kepada ketepuan (*saturated*) dalam pengumpulan data kerana sudah tidak lagi wujud data atau maklumat baru pada sekolah keempat dan kelima (SD dan SE). Kecukupan responden melalui proses ketepuan (*saturated*) ini telah disokong melalui kajian oleh Patricia dan Lawrence (2015).

Penetapan temu bual guru pula ditetapkan oleh pentadbir setiap sekolah sama ada Pengetua atau Guru Penolong Kanan Bidang Mata pelajaran. Pemilihan tersebut adalah merujuk kepada kriteria seperti; (i) guru Pendidikan Islam, (ii) guru yang mengajar pelajar menengah rendah, (iii) guru yang mengajar tingkatan dua, serta (iv) guru dari kalangan Guru Cemerlang, Guru Senior, atau Guru Novis. Temu bual bersama responden terpilih dilaksanakan secara telus dengan merujuk kepada lampiran pada Jadual 1.

Dalam kajian ini, temu bual merupakan kaedah utama dalam mendapatkan data dan mestilah diberikan penekanan. Dapatan yang diperolehi juga merupakan satu hasil yang mampu menarik minat pengkaji untuk meneroka dengan lebih mendalam. Temu bual ini dijalankan terhadap guru Pendidikan Islam (GPI), penyelia GPI, dan dua orang pelajar di bawah seliaan GPI.

Jadual 1 Pelaksanaan temu bual terhadap responden kajian

Bil.	Responden	Tarikh	Masa	Tempat
1.	A	8/8/12 9/8/12 15/8/12	10.35-11.25 9.30-10.30 8.40-9.25	Perpustakaan
2.	B	19/6/12 23/6/12	1.28-2.10 9.30-11.00	Perpustakaan Asrama Pejabat Asrama
3.	C	11/7/12 13/7/12	2.50-3.30 2.15-3.35	Bilik KKQ
4.	D	5/2/13 10/2/13	10.00-10.45 10.30-12.00	Bilik Fail
5.	E	7/3/13 12/3/13	10.30-11.10 4.15-5.45	Bilik BBM

Proses analisis menggunakan perisian NVivo versi 7.0 melibatkan penggunaan beberapa singkatan dan kod yang dapat dijelaskan seperti pada Jadual 2.

Jadual 2 Singkatan yang digunakan dalam proses analisis data kajian

Sekolah (S)	Temu Bual (TB)			
	Responden (R)	Penyelia (PY)	Pelajar 1 (P1)	Pelajar 2 (P2)
SA	TBRSA	TBPYSA	TBP1SA	TBP2SA
SB	TBRSB	TBPYSB	TBP1SB	TBP2SB
SC	TBRSC	TBPYSC	TBP1SC	TBP2SC
SD	TBRSD	TBPYSD	TBP1SD	TBP2SD
SE	TBRSE	TBPYSE	TBP1SE	TBP2SE

4.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Bahan bantu mengajar yang digunakan oleh GPI bukanlah keseluruhannya daripada mereka. Sebaliknya GPI mempunyai pelbagai sumber untuk mendapatkan BBM bagi tujuan pengumpulan dan koleksi sepanjang perkhidmatan sebagai guru. Koleksi BBM juga akan digunakan untuk membantu PdP mereka

semasa mengajar. Sumber BBM yang disediakan oleh guru dikategorikan kepada dua, iaitu bahan sedia ada dan bahan buatan. Fokus perbincangan dapatan kajian ini hanya terhadap bahan sedia ada sahaja.

Merujuk kepada Jadual 3, terdapat empat jenis sumber BBM sedia ada, iaitu guru, internet, rakan, dan pengalaman belajar. Hanya tiga sumber yang mencapai tahap pola daripada keseluruhan empat jenis sumber yang diperolehi.

Guru merupakan sumber yang tertinggi dalam menghasilkan dan mendapatkan BBM kerana mereka digalakkan oleh pentadbir sekolah (GPISA, 2012: 276; PYSD, 2012: 548). Selain itu guru juga mengetahui keperluan mengikut kesesuaian dan pengalaman mereka (GPISA, 2012: 278; PYSD, 2012: 559). Maka menjadi kebiasaan semua GPI SA-SE menghasilkan sendiri BBM sebelum digunakan ketika PdP mereka (ADSA, 2012: 407; ADSB, 2012: 54; PYSA, 2012: 442; P1SB, 2012: 593; NotaSC, 2012: 470; P2SD, 2012: 31; PYSE, 2012: 57). Sebagai contoh yang dikatakan oleh PYSE, katanya: (PYSE: BBM:SPG/SBH/GUR/BSA/GUR):

"ya... mereka bincang, mereka mesyuarat, mereka sepakat bagi tugas dan sebagainya dan akhir sekali mereka siapkanlah berdasarkan kerjasama daripada semua guru."
(PYSE, 2012: 834)

Sumber lain yang mewakili keseluruhan GPI SA-SE ialah sumber internet. Sumber internet menjadi kegemaran GPI untuk mendapatkan BBM dengan cara memuat turun bahan yang bersesuaian dengan PdP mereka (P2SA, 2012: 1212; GPISB, 2012: 1214; GPISC, 2012: 993; PYSE, 2012: 266). Sumber internet juga dijadikan untuk mencari bahan sampingan untuk melengkapkan bahan PdP GPI yang sedia ada (GPISE, 2012: 1526). Selain itu, sumber ini digunakan untuk menjelaskan suatu gambaran sebenar. Sebagai contoh melalui apa yang dikatakan oleh GPISA: (GPISA: BBM:SPG/SBH/GUR/BSA/INT):

"contohnya bahagian sirah kan, ok cari dalam internet gambar Masjidil Haram. jadi pelajar pun dapat cari dan tengoklah Masjidil Haram yang sebenar tu."
(GPISA, 2012: 1054)

Jadual 3 Sumber bahan sedia ada daripada guru semasa penggunaan BBM

Bil.	Sumber Bahan Sedia Ada Guru	SA	SB	SC	SD	SE
1.	Guru	x	x	x	x	x
2.	Internet	x	x	x	x	x
3.	Rakan Guru	x	x	-	x	x
4.	Pengalaman belajar	-	-	-	x	x

Kajian Lapangan (2012)

Sumber rakan juga mencapai tahap pola dapatan kajian yang diwakili oleh GPI di SA, SB, SD, dan SE. Sumber rakan yang dimaksudkan ialah melibatkan rakan guru yang mengajar subjek sama (GPISE, 2012: 325) di sekolah sendiri (GPISE, 2012: 332) atau sekolah berlainan (GPISA, 2012: 930; GPISD, 2012: 565). Sumber rakan ini merupakan inisiatif GPI sendiri untuk mengurangkan beban dalam menghasilkan BBM sepenuhnya. BBM yang diperolehi daripada rakan akan terus digunakan tanpa diubah untuk mengekalkan isi dalam bahan tersebut (GPISD, 2012: 572, 602, 609, 617). Hal ini diakui oleh GPISD: (GPISD: BBM:SPG/SBH/GUR/BSA/RKN):

"Kalau saya buat satu tajuk tu kalau orang lain buat kita pakat, jadi sorang buat satu tajuk dah boleh cover banyak tajuk. Biasanya macam tu lah penyediaannya."

(GPISD, 2012: 566)

Sumber yang tidak mencapai tahap pola ialah pengalaman belajar. Tema ini menjelaskan bahawa pada fasa tersebut, GPI mengumpulkan BBM untuk digunakan semasa bekerja. Hal ini dibuktikan oleh GPISE, katanya: (BBM:SPG/SBH/GUR/BSA/STD):

"Ok sumber bahan bantu mengajar saya ambil ada yang diperolehi daripada semasa saya belajar dulu dan ada yang saya perolehi daripada kawan."

(GPISE, 2012: 324)

Dapatan ini ditambah pula dengan persiapan GPI semasa belajar untuk digunakan semasa praktikal. GPISD ada menjelaskannya dengan mengatakan:

"Biasanya kita orang buat masa kita orang praktikal, jadi benda tu dah ada... Kita ambil sahaja."


(GPISD, 2012: 944)

Bahan-bahan yang disediakan semasa praktikal juga lebih menarik kerana mereka ada masa untuk membuatnya seperti kata-kata GPISD:

"Jadi slide dia tu lebih menarik lah sebab masa praktikal ni lain tau."

(GPISD, 2012: 949)

Namun, tema ini tidak diwakili oleh majoriti dari kalangan responden kerana terdapat responden yang tidak dapat menyimpan BBM ketika digunakan sewaktu belajar. Kegagalan tersebut adalah disebabkan oleh tempoh masa belajar dan bekerja adalah lama menyebabkan BBM yang disimpan sudah tidak relevan dengan keadaan sekarang. Secara keseluruhannya, dapatan kajian yang dijelaskan ini dapat diringkaskan merujuk kepada Rajah 1.



Rajah 1 Sumber guru pendidikan Islam dalam mendapatkan bahan bantu mengajar

5.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijelaskan pada bahagian analisis data, terdapat empat sumber yang digunakan oleh GPI iaitu guru, internet, rakan guru, dan pengalaman belajar. Daripada empat

sumber tersebut, hanya tiga sumber sahaja yang mencapai tahap pola majoriti GPI menggunakan sumber tersebut. Sumber pengalaman belajar tidak mencapai tahap pola kerana hanya diwakili oleh dua orang GPI sahaja. Hal ini kerana, minimum tema dalam mencapai tahap pola adalah apabila diwakili oleh separuh atau lebih daripada keseluruhan responden. Maka dalam Jadual 4.1, keseluruhan responden adalah seramai lima orang. Oleh itu, tahap pola sesuatu tema dikira apabila diwakili oleh tiga orang responden dan ke atas.

Sumber daripada guru adalah yang tertinggi berbanding tiga sumber lain yang digunakan oleh GPI. Sumber guru bermaksud GPI itu sendiri adalah sumber yang digunakan untuk mendapatkan BBM. Hal ini menjelaskan bahawa guru adalah penyumbang utama dalam kepelbagaian BBM yang digunakan ketika PdP. Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Siti Fatimah dan Ab. Halim (2010) bahawa guru adalah sumber utama segala pengetahuan yang diajarkan. Maka BBM yang dihasilkan itu mampu memenuhi konteks sukatan pelajaran dan kesesuaian pelajar yang diajar. Dapatan ini turut mengubah persepsi bahawa terdapat BBM yang sedia ada tidak memenuhi sukatan pelajar seperti mana yang dinyatakan oleh Mahidi (2011).

Guru Pendidikan Islam juga tidak terkecuali daripada menggunakan internet sebagai sumber dalam penggunaan BBM. Internet telah diisytiharkan sebagai sumber yang kaya dan pantas dalam memberikan respon terhadap penggunaannya. Hal ini dapat membantu GPI dalam membuat dan menyediakan BBM dalam kesibukan masa mengendalikan tugas pengurusan dan tugas PdP. Apabila GPI dilihat bersedia dengan keperluan dan BBM untuk PdP, hal ini turut memberi kesan kepada pelajar dari aspek minat dan motivasi semasa PdP serta meningkatkan prestasi pelajar ketika peperiksaan (Jefferies dan Hussain, 1998; Campbell *et al.*, 2004).

Sumber yang mencapai tahap pola yang terakhir ialah daripada rakan guru. Sumber ini merupakan inisiatif GPI sebagai perkongsian idea dan BBM serta pembahagian tugas untuk tujuan penjimatan masa. Sumber rakan guru ini diperolehi sama ada dalam kalangan sekolah sendiri mahupun sekolah berlainan. Manfaat rakan guru daripada sekolah yang berlainan menyebabkan GPI mempunyai jaringan yang luas dan mampu untuk mempelbagaikan sumber PdP. Bahan bantu mengajar yang dihasilkan daripada perkongsian idea daripada kumpulan guru yang pelbagai menggambarkan bahawa terdapat kebebasan dalam menentukan sumber PdP. Hal ini bertepatan dengan kajian oleh Cooley (2014) yang menjelaskan bahawa "*memilih sumber untuk program pendidikan perlu menjadi satu proses demokrasi yang melibatkan pelajar, guru, pentadbir, penyelaras, pustakawan, dan pemimpin dalam organisasi profesional pendidikan*".

Dapatan pengalaman belajar pula tidak mencapai tahap pola. Seperti yang dimaklumi, tidak terdapat kursus yang disediakan oleh kementerian mahupun sekolah yang khusus kepada penggunaan BBM. Kursus yang ada dan berkaitan pula seperti Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) tidak begitu fokus kepada kepada PdP semata-mata. Oleh yang demikian, dapatan kajian pengalaman belajar tidak mampu menunjukkan bahawa sumber pengalaman guru adalah sebagai salah satu sumber PdP. Dapatan ini tidak bertepatan dengan dapatan kajian oleh Grubb (2008).

Oleh yang demikian, sumber yang menjadi kewajipan dan perlu ada semasa mendapatkan BBM sebelum pelaksanaan PdP iaitu guru itu sendiri. Sumber guru ini amat memberi kesan kepada PdP berkesan kerana padanya terdapat faktor lain yang menyumbang. Faktor-faktor tersebut ialah pengetahuan, masa, motivasi, kemahiran, dan tanggungjawab. Semua faktor ini perlu sling melengkapkan agar sumber guru itu mampu menghasilkan BBM yang kritis, kreatif, dan inovatif.

6.0 RUMUSAN

Dalam penggunaan pengajaran dan pembelajaran (PdP), secara realitinya guru merupakan faktor yang utama dalam merealisasikan penggunaan BBM. Dapatan jelas menunjukkan bahawa faktor guru mencapai tahap pola. Manakala majoriti responden pula mengakui bahawa pengajaran berkesan dan penggunaan BBM yang berkualiti adalah bermula daripada guru. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Manimegalai dan Rio Sumarni (2001) bahawa guru itu lebih arif tentang kesesuaian PdP dengan bahan pengajaran yang digunakan. Hal ini memberi kesan terhadap persepsi pelajar bahawa GPI adalah seorang guru yang prihatin. Keprihatinan GPI dinilai berdasarkan kepada memastikan keperluan PdP mencukupi khususnya bahan-bahan pengajaran bertepatan dengan dapatan kajian Wei Wang (2009).

Dapatan sumber guru menjadi keutamaan berbanding sumber internet yang menjadi pilihan GPI dalam menggunakan BBM. Terdapat banyak sumber bahan dan maklumat yang ada di internet seperti portal, ensiklopedia, kamus, bahan multimedia, dan powerpoint (Mahidi, 2011). Namun semua pilihan tersebut tidak juga menjadi pilihan utama GPI dalam penggunaan BBM. Hal ini kerana kebanyakan bahan tersebut tidak bertepatan dengan apa yang ingin diajarkan oleh GPI sepertimana dapatan kajian oleh Mahidi (2011).

Secara umumnya, dapatan kajian ini menggambarkan bahawa peranan guru dalam menentukan proses PdP berjalan lancar adalah sangat tinggi. Guru sememangnya perlu merancang pengajaran setiap kali sebelum bermulanya PdP. Namun sejauh manakah perancangan itu mampu memberi kesan yang mendalam kepada pelajar? Dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi sumber rujukan kepada pendidik dalam pelbagai bidang serta bakal pendidik di institusi pengajian tinggi (IPT).

Rujukan

- Campbell, C., Bennett, S., & Brown, I. (2004). Primary school teachers' use of internet resources: Multiple cases on using the Internet for teaching. *Australasian Computers in Education Conference*, 1-6.
- Cooley, M. E. (2014). *The effect of the lack of resources in spanish for students in dual language bilingual education programs* (Unpublished Master's Theses), State University of New York College, Brockport.
- Grubb, W. N. (2008). Multiple resources, multiple outcomes: testing the "improved" school finance with nels88. *American Educational Research Journal*, 45(1), 104-144.
- Ilias, M. F., Ismail, M. F. & Jasmi, K. A. (2013). Faktor dorongan dan halangan penggunaan bahan bantu mengajar oleh guru pendidikan Islam di sekolah bestari, *3rd. International Conference on Islamic Education 2013 (ICIED2013)*. EPF Institute, Malaysia, pp. 943-953.
- Jasmi, K. A. & Tamuri, A. H. (2007). *Pendidikan Islam : Kaedah pengajaran & pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM.
- Jasmi, K. A., Ilias, M. F., Tamuri, A. H. & Mohd Hamzah, M. I. (2011). Amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 3(1), pp. 59-74.
- Jefferies P. & Hussain F. (1998). Using The Internet as A Teaching Resource. *Education & Training*, 40(8), pp. 359-365.
- Othman, M. A. (2007). *Keberkesanan kaedah pengajaran berbantuan komputer di kalangan pelajar pencapaian akademik rendah bagi mata pelajaran Geografi tingkatan 4 di Negeri Sembilan* (Unpublished Doctoral Thesis). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Mahidi, M. M. (2011). *Pembangunan bahan bantu mengajar berasaskan e-peta minda bertajuk "The reactivity series of metals and its applications" untuk kimia tingkatan lima* (Unpublished Master's Thesis), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

- Abdullah, M., Abdullah, A. H., & Rosman, A. S. (2015). Identifikasi peranan ibu bapa dalam kelangsungan pendidikan tahfiz anak. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan 2015 (IsPEN2015)*. pp. 151 – 162.
- Abdullah, M., Abdullah, A. H., Rosman, A. S., & Ilias M. F. (2015). Garis panduan hafiz al-quran menurut pandang al-nawawi. *International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship 2015 (ICIESE2015)*.
- Mwathwana, M. I., Mungai, C., Gathumbi, A.W., & George, G.E. (2014). The impact of history teaching/learning resources on student performance in KCSE History examinations: A case of Tigania and Igembe districts Meru County, Kenya. *Journal of Education and Practice*. 5(3), pp. 64-72.
- Patricia, I. F. & Lawrence, R.N. (2015). The qualitative report 2015. 20(9), pp. 1408-1416. Retrieved from <http://www.nova.edu/ssss/QR/QR20/9/fusch1.pdf>
- Wei Wang C. L. (2012). Kesan penggunaan bahan bantu mengajar visual dalam pengajaran subjek Sains tahun tiga. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL*. pp. 87-101.